

# UMNO Padang Besar bincang Selasa

KANGAR 29 Julai — Jawatankuasa UMNO Bahagian Padang Besar akan mengadakan perbincangan Selasa ini, ekoran teguran Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad berhubung mesyuarat bahagian itu yang akan dirasmikan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Ketua UMNO Bahagian Padang Besar, Datuk Zahidi Zainul Abidin berkata, keputusan itu bukan dibuat oleh beliau seorang tetapi persetujuan bersama jawatankuasa UMNO bahagian atas permintaan ahli-ahli jawatankuasa dan juga ketua-ketua UMNO cawangan.

"Kita sentiasa mengikut perlembagaan parti dan tidak akan melanggar peraturan ditetapkan.

"Jika itu keputusan parti, kita akan akur. Mungkin kita hanya akan panggil Tun pada hari lain untuk beri ceramah sahaja," katanya ketika dihubungi hari ini.